

WARTA K-PSNZ

<http://www.psnz.umt.edu.my>



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Edisi 2012
Keluaran 9



Program Siri Jelajah
Ilmu

ISSN 1985-2479



Aluan Pemangku Ketua Pustakawan

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam satu Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada sidang pengarang dan sidang editor Warta K-PSNZ yang telah bertungkus-lumus untuk menerbitkan warta ini. Dengan terbitnya warta ini, maka ia diharap akan menjadi wadah bacaan kepada pengguna perpustakaan khususnya yang ingin mengetahui mengenai perkembangan PSNZ. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk berbicara di dalam ruangan ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi universiti kerana telah memberi kepercayaan kepada saya dalam memikul tanggungjawab dan amanah untuk mengendalikan PSNZ selaku Pemangku Ketua Pustakawan. Sesungguhnya, kepercayaan yang telah diberikan ini amatlah berat untuk dipikul, tetapi walaubagaimanapun saya akan cuba memikul tanggungjawab dan amanah ini sebaik mungkin dan memberikan komitmen yang tinggi untuk mempertingkatkan keupayaan PSNZ sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang mendukung misi dan visi universiti.

Disamping itu juga, berbekalkan pengalaman yang luas dalam sidang sains perpustakaan, saya dan warga kerja PSNZ mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Prof. Dato' Dr. Ibrahim Komoo ke Universiti Malaysia Terengganu sebagai Naib Canselor baharu UMT. Semoga dengan perlantikan dan kedatangan Yang Berbahagia Prof. Dato' akan memantapkan lagi hala tuju dan gagasan UMT untuk menjadi sebuah IPTA yang terulung dipantai timur melalui transformasi idea-idea yang baharu. Saya dan warga PSNZ juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mantan Naib Canselor iaitu Prof. Dato' Dr Aziz Deraman di atas idea, pandangan dan sumbangan yang

telah diberikan kepada UMT amnya dan khasnya PSNZ selama beliau memimpin universiti.

Secara ringkasnya, untuk menjadi sebuah pusat tanggungjawab yang berintegriti dan berdaya saing, komitmen dan kerjasama dari semua kakitangan amatlah penting bagi menyokong operasi dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan.

Semua kakitangan yang berada di dalam organisasi itu mempunyai peranan masing-masing terhadap objektif yang telah ditetapkan. Semangat kerja berpasukan dan menerapkan semangat bantu membantumenjadi asas kekuatan kepada warga kerjademamastikan peranan dan kewujudan PSNZ dapat dirasakan oleh segenap lapisan pengguna di UMT. Kesemua elemen tersebut memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan perpustakaan disamping penambahbaikan secara berterusan melalui amalan sistem pengurusan kualiti perlulah dibuat dari masa ke semasa bagi memenuhi aspirasi universiti dalam melahirkan graduan yang berpengetahuan tinggi dan berketrampilan. Sehubungan dengan itu, dengan mempunyai nilai-nilai yang positif demi kepentingan organisasi, pasti akan melancarkan segala perancangan yang telah ditetapkan demi manfaat warga UMT.

Sekian, terima kasih

Atip ali
Pemangku Ketua Pustakawan
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah



Aluan Ketua Pengarang

Assalamualaikum, s a l a m sejahtera dan salam satu malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Syukur Alhamdulillah kerana warta edisi Januari-Jun 2012 dapat diterbitkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada sidang pengarang yang terdiri daripada rakan-rakan pustakawan kerana telah menyumbangkan beberapa artikel yang dilihat mampu memberi nilai ilmu kepada pembaca warta K-PSNZ.

Warta K-PSNZ telah mencecah usia hampir (7) tahun penerbitannya dan pelbagai wahana informasi telah dikongsi kepada pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai perpustakaan. Selaras dengan peranan perpustakaan sebagai agensi penyebar maklumat, pelbagai saluran media telah digunakan dalam menyampaikan maklumat termasuklah Warta K-PSNZ. Perkembangan sains kepustakawanan sentiasa diterapkan melalui setiap edisi yang diterbitkan demi memastikan pembaca sentiasa berpeluang mengikuti perkembangan mengenai teknologi dan budaya dalam sains perpustakaan.

Saya mewakili sidang redaksi, berharap agar Warta K-PSNZ ini dapat dimanfaatkan dalam usaha untuk memperkayakan ilmu pengetahuan disamping mendukung semangat membudayakan ilmu sebagai salah satu gaya hidup.

Dikesempatan ini, saya dan sidang redaksi Warta K-PSNZ ingin mengucapkan tahniah diatas perlantikan Prof. Dato Dr Ibrahim Komoo sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu yang baharu. Semoga dengan perlantikan Yang Berbahagia Prof Dato akan merencanakan lagi pembangunan UMT sebagai salah sebuah universiti penyelidikan yang terulung di Pantai Timur. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berbahagia Prof Dato Dr Aziz Deraman diatas sumbangan yang telah diberikan sepanjang menjawat jawatan Naib Canselor UMT. Jasa dan sumbangan Yang Berbahagia Prof akan sentiasa dikenang warga UMT.

Selamat membaca

Mohd Shahrulnizam Zuraimi
Ketua Pengarang Warta K-PSNZ

SIDANG

Pengarang

Penasihat

Atip Ali

Ketua Pengarang

Mohd Shahrulnizam Zuraimi

Pengarang

-Wan Rosnida Wan Mohamad

-Rabiatul Addawiyah Hanim Mohd Rosli

-Almanizam Alias

-Syed Mohammad Helmy Bin

Syed Md Akhir

-Norsollehah Ahmad

-Nur Farizah Abdullah

-Mohd Hairolanuar Bin Mohammad

-Siti Norizan Sidek

Foto dan Grafik

Mohd Azmi bin Mohamad



Pameran Poster Penyelidikan di PSNZ Pupuk Penghasilan Penerbitan Ilmiah Yang Berkualiti

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan demi menyokong aktiviti pembelajaran pelajar dan pengguna perpustakaan. Sebahagian dari kemudahan yang disediakan adalah Ruang Pameran Utama PSNZ. Ruang pameran yang disediakan adalah bertujuan untuk menggalakkan pelajar dan pensyarah untuk menganjurkan sebarang aktiviti pembentangan poster atau artifak yang dilihat mampu memberi manfaat besar kepada pengunjung perpustakaan. Melalui pameran yang diadakan, pelajar berpeluang untuk mempelajari kaedah penulisan dan penghasilan poster yang berkualiti serta mampu membantu dalam meningkatkan kemahiran pembentangan melalui penerangan yang disampaikan kepada pengunjung. Sepanjang Januari hingga Jun 2012, beberapa pembentangan poster penyelidikan telah diadakan di ruang pameran PSNZ. Berikut adalah butiran pameran yang telah diadakan:

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

Sumber: Pustakawan Seksyen Promosi dan Khidmat Komuniti PSNZ



Bil	Tarikh Program	Tajuk Pembentangan/Aktiviti	Fakulti/Penganjur
1	03 - 21 April 2012	Pertandingan Bonanza dan Book Drive	Fakulti Pembangunan Sosial - FPS
2	25-Apr-12	Pameran Bahasa Melayu DBP	Pusat Pembangunan Sosioekonomi
3	07 - 10 Mei 2012	Pembentangan Poster Polisi Dan Undang-Undang Sumber Akuatik	Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin - FMSSM
4	31 Mei 2012	Pameran Rekabentuk Bagi Kursus MMT3101	Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin - FMSSM



Sehubungan dengan itu, pihak PSNZ sentiasa mengalu-alukan penyertaan warga pelajar dan pendidik UMT untuk sentiasa menganjurkan aktiviti pameran yang dilihat mampu membantu dalam memperkayakan pembelajaran dan meningkatkan potensi penghasilan poster penyelidikan yang lebih berkualiti demi manfaat warga UMT.

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi —msn@umt.edu.my
 Sumber: Pustakawan Seksyen Promosi dan Khidmat Komuniti PSNZ

Persoalan Yang Kerap Ditanya Oleh Pelanggan PSNZ Mengenai Laporan Projek Dan Tesis:



1. Apakah perbezaan diantara Laporan Projek dan Tesis?
2. Adakah kedua-dua bahan tersebut boleh dipinjam keluar dari kawasan bacaan?
3. Adakah bahan-bahan tersebut boleh dibuat salinan fotokopi?
4. Dimanakah lokasi Laporan Projek dan Tesis?
5. Bagaimana ingin meminjam/menggunakan bahan tersebut?
6. Berapakah tempoh masa pinjaman untuk setiap bahan tersebut?
7. Sekiranya bahan yang dikehendaki telah ditemui dalam pencarian webinfoline, tetapi tidak berada di rak, apakah yang perlu dilakukan?



Jawapan untuk setiap persoalan diatas (Mengikut nombor soalan):

1. Laporan Projek adalah laporan/penulisan yang dihasilkan oleh pelajar (Sarjana Muda) mengenai sesuatu topik kajian manakala Tesis adalah Laporan yang dihasilkan mengenai sesuatu subjek khusus bagi melengkapkan syarat untuk memperoleh Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (Phd).
2. Kedua-dua bahan tersebut tidak boleh dibawa keluar dari kawasan bacaan dan hanya terhad untuk digunakan dikawasan yang disediakan.
3. Bahan-bahan tersebut tidak dibenarkan untuk dibuat salinan fotokopi bagi melindungi karya intelek penulis. (Copyright Act)
4. Tesis dan Laporan Projek boleh diperolehi di Kawasan Koleksi Khas, berhampiran dengan kaunter pinjaman bahan.
5. Pengguna perlu terlebih dahulu membuat pencarian bahan/judul yang dikehendaki dengan menggunakan webinfoline dan seterusnya memberi maklumat yang dikehendaki (mengisi slip pinjaman bahan) dan menyerahkan kad matrik pelajar kepada petugas di bahagian koleksi khas untuk tujuan pengesanan bahan.
6. Tempoh masa pinjaman yang dibenarkan adalah selama 2 jam. Boleh tambah had masa pinjaman sekiranya tiada pengguna lain ingin merujuk bahan yang sama.
7. Sekiranya bahan yang dikehendaki tidak berada di rak setelah dibuat pengesanan oleh petugas, pengguna boleh melaporkan kepada Pustakawan bertugas di Meja Penasihat Pelanggan untuk tindakan selanjutnya.





Pelajar UMT **manfaatkan penggunaan** **baucar buku 1Malaysia (BB1M)** dalam Pameran Buku Akademik Anjuran PSNZ

Dalam belanjawan 2012 yang telah dibentangkan pada tahun lalu, kerajaan Malaysia telah meluluskan pemberian baucar buku bernilai RM 200 kepada pelajar-pelajar IPTA yang berdaftar. Pemberian baucar ini adalah bertujuan untuk mendorong pelajar-pelajar untuk membeli buku pembelajaran dan juga menggalakkan mereka menyemai amalan mencintai ilmu. Sejalan dengan perkembangan itu, PSNZ telah mengadakan Program Pameran Buku Baucar 1Malaysia bermula 10 Januari hingga 14 Januari 2012. Pameran telah diadakan di ruang pameran utama PSNZ dan telah disertai oleh (12) kontraktor buku tempatan dan (7) penerbit buku universiti. Pameran yang diadakan ini merupakan satu platform yang sesuai kepada pelajar-pelajar untuk membeli buku dengan menggunakan baucar pembelian yang telah diberikan kepada mereka. Sambutan yang diterima oleh PSNZ dan pembekal buku amat menggalakkan kerana pelajar-pelajar telah mengambil kesempatan ini sebagai peluang terbaik untuk membeli buku pilihan mereka.

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my
Sumber: Pustakawan Kanan Seksyen Perolehan PSNZ



PSNZ Menuju Ke Arah Persijilan Amalan 5S

5S merupakan salah satu cabang amalan kualiti yang menitikberatkan persekitaran kerja yang selamat, bersih, sistematik dan berkualiti. Selaras dengan itu, PSNZ telah menubuhkan Jawatankuasa Induk 5S PSNZ yang berfungsi untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan 5S. Sebagai langkah permulaan, (2) lawatan kerja telah dirancang dan (1) daripadanya telah dilaksanakan pada 31 Januari 2012. Lawatan telah diadakan ke Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) dan Pejabat Tanah dan Galian Terengganu (PTG). Lawatan ini telah memberi gambaran secara menyeluruh mengenai kaedah pelaksanaan amalan persekitaran berkualiti disamping mewujudkan pakatan kerjasama strategik diantara PSNZ dan PPAT. Pelaksanaan 5S di PSNZ adalah sepanjang tahun 2012.

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my
Sumber: Pengerusi Jawatankuasa 5S PSNZ



Discover UMT: Kenali PSNZ

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

Pada 12 Februari 2012, PSNZ dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan aktiviti lawatan ilmiah kepada 40 orang pelajar cemerlang sekitar Kuala Terengganu. Program lawatan ini adalah sebahagian daripada aktivitiUSR UMT iaitu melalui program Discover UMT.

Pelajar-pelajar telah diberikan taklimat mengenai kemudahan yang disediakan di perpustakaan akademik dan memberi mereka peluang dalam menggunakan sendiri peralatan yang disediakan di PSNZ seperti mesin pinjaman buku, penggunaan computer dan penerangan mengenai fasiliti yang ditawarkan kepada pengguna PSNZ. Program yang dianjurkan ini telah

mendapat sambutan yang amat baik dikalangan pelajar dan pihak PSNZ berharap agar program seumpama ini akan diperluaskan lagi bagi memberi pendedahan secara langsung kepada masyarakat setempat mengenai peranan dan perkhidmatan yang dimainkan oleh perpustakaan akademik dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran.



Bengkel Penilaian Prestasi dan Perancangan PSNZ 2012

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

PSNZ melalui Seksyen Latihan dan Pentadbiran telah menganjurkan Bengkel Penilaian Prestasi dan Perancangan PSNZ 2012 pada 25 hingga 29 Januari 2012, bertempat di De' Baron Beach Resort, Pulau Langkawi. Bengkel yang diadakan ini melibatkan semua kakitangan PSNZ (58 orang) dan bertujuan untuk membentangkan pencapaian sasaran kerja bagi tahun 2011 serta merangka sasaran kerja 2012 untuk semua bahagian yang terlibat dalam PSNZ.

Penglibatan secara menyeluruh daripada pihak pengurusan dan kakitangan sokongan telah merumuskan halatujua pencapaian untuk tahun 2012. Bengkel yang telah diadakan ini merupakan sebahagian daripada hasrat PSNZ

untuk menilai pencapaian kerja secara lebih konsisten serta meletakkan halatujua pencapaian yang realistik dan bertepatan dengan aspirasi kewujudan Universiti Malaysia Terengganu.





ISLAM DAN KUALITI serta KAITANNYA dengan ALAM PEKERJAAN

PENDAHULUAN

Sememangnya begitu ramai yang memperkatakan dan membincangkan mengenai kualiti. Hampir semua organisasi di seluruh dunia umumnya dan di Malaysia khususnya amat mengambil berat tentang isu kualiti dan cuba menerapkannya menjadi satu budaya, iaitu budaya kerja berkualiti. Akan tetapi, masih ramai yang mengikutinya tanpa memahami apa sebenarnya konsep kualiti yang perlu diamalkan pada setiap detik waktu yang dilalui di tempat kerja, di tempat awam hatta sewaktu berada di rumah. Pendek kata, persoalan mengenai apakah kualiti sebenar yang patut diamalkan di dalam kehidupan seharian sepatutnya dicari jawapannya bagi yang ingin membudayakan konsep kualiti. Di dalam konteks pekerjaan, seseorang pekerja terutamanya yang menganut agama Islam amat perlu mengaitkan KUALITI dengan apa yang dianjurkan di dalam Islam.

Pertama, mari kita lihat betapa perkaitan kualiti ada di mana-mana. Contohnya, kualiti alam sekitar yang dikaitkan dengan kebersihan, pencemaran dan sebagainya, kualiti perkhidmatan seperti adakah memenuhi kehendak pelanggan dari segi waktu berurusan, amalan baik yang jauh dari rasuah dan penyelewengan serta kualiti infrastruktur seperti keselamatan kemudahan, kebocoran dan sebagainya. Di institusi pengajian tinggi, kita juga boleh mengaitkannya dengan kualiti pensyarah atau ahli akademik, kumpulan penyelidik, golongan pentadbir serta kualiti graduan yang dikaitkan dengan kebolehan pasaran kerja dan pengangguran.

KEPENTINGAN ISU KUALITI

Kualiti sebenarnya bukan hanya tertumpu kepada soal material (kebendaan) atau bidang komersil, tetapi ia

amat berkait rapat dengan dalaman atau diri manusia. Sekiranya isu kualiti tidak ditangani dengan serius atau manusia tidak mengambil berat tentang kualiti, kehidupan manusia akan terugut sementelah cabaran hidup semakin banyak, wujudnya wabak penyakit yang pelik melanda manusia akhir-akhir ini. Sejarah membuktikan bahawa umat yang tidak mengendahkan soal kualiti akan ketinggalan dan semakin tersisih atau dilupakan. Contohnya sejarah pelombongan bijih timah di Tanah Melayu. Oleh kerana orang-orang Melayu tidak begitu mengamalkan kualiti di dalam diri, bangsa asing telah dapat menguasai sektor perlombongan yang menjanjikan pendapatan lumayan pada masa itu, manakala orang-orang Melayu hanya mampu hidup dengan hasil tangkapan laut yang tidak seberapa.

KUALITI DAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

Kualiti bermaksud keadaan yang paling baik, unggul dan menepati kehendak yang ditetapkan. Kualiti memberikan kepuasan kepada semua pihak. Nilai kualiti adalah kepercayaan, keyakinan dan norma yang berfungsi sebagai penggerak yang menentukan perlakuan, tindakan dan proses organisasi. Budaya kerja cemerlang pula ialah etika dan tatacara yang baik di kalangan kakitangan di semua peringkat dalam sesebuah organisasi.

KUALITI: SUATU TUNTUTAN

Kualiti merupakan suatu tuntutan di dalam Islam. Istiqomah dalam pekerjaan merupakan kualiti cemerlang yang ada pada seseorang pekerja. Orang yang beristiqomah akan melaksanakan sesuatu pekerjaan yang baik secara berterusan dan mereka ini berpotensi menghasilkan mutu kerja yang sangat bermutu dan memuaskan hati semua pihak. Contohnya, setiap awal pagi,

pekerja yang istiqomah akan bangun seawal Subuh hari, menunaikan solat Subuh berjama'ah, bersiap ke tempat kerja dan sampai awal ke tempat kerja. Mereka ini akan rasa tenang dan tidak tergopoh-gapah, seterusnya dapat memulakan tugas harian pada awal pagi. Dengan permulaan yang baik dan niat yang betul mencari rezeki untuk keluarganya, mereka akan melaksanakan segala tugas dengan ikhlas, tekun, amanah dan penuh tanggungjawab. Hasilnya, setiap pekerjaan yang dilakukan menjadi hasil yang baik, bukan hanya sekadar mahu cepat siap, tetapi tiada kualiti, malah menyusahkan orang yang menilai tugas tersebut kerana perlu memperbaiki semula kerja yang disediakan. Begitulah perbezaan di antara orang yang istiqomah (mempunyai kualiti) dan orang yang sambil lewa di dalam melakukan pekerjaan (tiada kualiti).

“Katakanlah siapakah (yang layak) mengharamkan perhiasan yang Allah telah jadikan untuk hambaNya serta rezeki yang baik”(Q 7:32).

Islam tidak menentang usaha ke arah kebaikan. “... bila kamu melakukan sembelihan, maka perelokkan sembelihan itu...”Maksud Hadis. Hatta bab memilih binatang korban sekalipun, Islam menganjurkan binatang yang terbaik kualitinya untuk disembelih.

Islam menyeru ummatnya supaya tekun di dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

“...sesungguhnya Allah suka kepada orang yang apabila melakukan suatu kerja, ia lakukan dengan tekun.”Maksud Hadis.

Islam menuntut supaya ditegakkan keadilan agar semua pihak mendapat manfaat yang setimpal. Islam juga menitik beratkan kepuasan pelanggan. Sebab itulah adanya konsep khiyar iaitu boleh membuat pilihan selepas kontrak dijalankan untuk membatalkan jual beli atau meneruskannya. Di dalam Islam juga disebutkan bahawa orang yang paling baik adalah orang paling banyak membuat kebaikan dan memberi manfaat (jasa) kepada orang lain.

ISYARAT KUALITI DALAM AL-QUR'AN

Di dalam al Quran ada menyebut bahawa satu-satunya agama yang diiktiraf (kualitinya) di sisi Allah s.w.t adalah Islam'. (Q 3:19), bermakna Islam merupakan agama yang lengkap, tiada agama lain yang sebanding dengannya.

Allah swt menurunkan Al-Qur'an dan Allah s.w.t menjamin (kualiti) keasliannya.(Q15:9). Ini bermakna, tiada siapayangdapatmencabarkehebatanalQuranyangditurunkan kepada ummat Muhammad s.a.w. Rasulullah s.a.w diutuskan oleh Allah s.w.t untuk menjadi contoh atau model (kualiti insan) yang terbaik.(Q33:21). Baginda merupakan manusia yang terhindar daripada melakukan kesalahan. Oleh sebab itulah, Rasulullah s.a.w perlu menjadi ikutan seluruh ummat Islam di sepanjang zaman. Juga disebut di dalam al Quran bahawa ummat Islam adalah ummat yang terbaik (berkualiti). (Q 3:110)

Kualiti taqwa menjadi kayu ukur darjat manusia di sisi Allah (Q 49:13). Allah tidak akan memandang pangkat dan darjat manusia di atas dunia ini, sebaliknya Allah hanya memandang orang yang bertaqwa kepada Allah s.w.t di kalangan manusia. Orang yang bertaqwa akan takut dosa, maka mereka akan melakukan amalan yang baik semata-mata dengan penuh rasa ikhlas tanpa mengharap balasan manusia kerana mereka tahu bahawa balasan sebenarnya hanya di akhirat yang kekal



abadi. Itulah dia ummat Islam yang berkualiti tinggi.

ISYARAT KUALITI DALAM AS-SUNNAH

Di dalam Hadith ada menyatakan bahawa dikahwini wanita kerana empat faktor iaitu kecantikannya, hartanya, baik keturunannya dan kuat pegangan agamanya. Pada akhir ayat, Rasulullah s.a.w menekankan supaya dipilih wanita yang kuat pegangan agamanya kerana merekalah orang yang mempunyai kualiti diri yang terbaik iaitu berpotensi menjadi isteri solehah dan ibu mithali yang dapat melahirkan zuriat yang berkualiti.

Ada juga disebutkan di dalam Hadith bahawa di antara perkara yang membawa kebahagiaan hidup adalah kediaman yang luas, kenderaan yang selesa serta jiran yang soleh. Maka untuk mencapai tahap sebegitu, ummat Islam perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh serta berakhlak mulia iaitu berbuat baik sesama manusia seperti jiran tetangga supaya hasil dan hubungan yang baik dapat dicapai. Hasil yang baik itu menjadikan kehidupan manusia tenang dan bahagia. Rasulullah s.a.w juga menekankan kualiti di dalam beramal di dunia dan beramal untuk hari akhirat. Baginda menyeru supaya ummat Islam bekerja seolah-olah akan hidup selama-lamanya dan beribadah seolah-olah akan mati esok hari. Baginda s.a.w juga bersabda yang bermaksud 'Sesungguhnya Allah itu indah, dan Allah s.w.t sukakan keindahan. Maka Islam menitikberatkan soal kesempurnaan di dalam pekerjaan dan kehidupan sehari-hari. Begitulah indahnya saranan Islam di dalam menjalani kehidupan yang dipenuhi dengan budaya kualiti.

SALAH FAHAM KONSEP KUALITI

Walaupun konsep kualiti telah diterapkan di mana-mana sahaja, ada juga masyarakat ummat Islam yang salah membuat tanggapan tentang konsep kualiti yang bercanggah dengan apa yang disarankan di dalam Islam. Ada sesetengah daripada mereka yang merasakan bahawa

mengamalkan konsep kualiti adalah menyusahkan. Ada juga yang menyebut bahawa apabila seseorang mengamalkan kualiti, mereka merasa diri mereka hebat dan ada pula yang beranggapan mengamalkan kualiti di dalam pekerjaan hanya memberi keuntungan duniawi sahaja.

Sesetengah yang lain pula mengamalkan dasar kualiti supaya mendapat pengiktirafan dan dipandang mulia di sisi manusia.

Sesungguhnya, segala tanggapan di atas merupakan tanggapan mereka yang tidak menghayati sebenar-benarnya konsep kualiti di dalam Islam. Golongan begini tidak mengaitkan langsung konsep kerja sebagai ibadah dan terlupa bahawa pekerjaan yang baik akan mendapat balasan yang setimpal di akhirat nanti dan itulah saham yang akan dihitung di hari pembalasan kelak.

Di dalam Al-Quran ada menyebut bahawa "...Allah tidak mentaklifikasikan seseorang diluar kemampuan..."(Q 2:286). Allah tidak akan menguji seseorang itu melainkan Dia tahu setakat mana kemampuan makhlukNya. Jadi jangan takut dan bimbang kerana Allah s.w.t itu Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Di dalam Hadith ada disebutkan bahawa: "...sebaik-baik perkara adalah yang sederhana...". Oleh itu, ummat Islam tidak boleh melampaui batas apabila melakukan sesuatu. Mereka tidak seharusnya berlebihan, dan mengharapkan kesempurnaan, walhal tiada manusia di dunia ini dilahirkan sempurna melainkan Allah s.w.t. Zuhud (merendah diri) dan qana'ah (cukup dengan apa yang diperolehi) merupakan penyelesaian kepada sifat bongkak, banggadiridantamak. Sifat-sifat inilah yang menjamin manusia menjadi insan yang berkualiti. Niat merupakan punca segala perlakuan dan tindakan. Niat amatlah perlu dibetulkan supaya segala pekerjaan adalah berfokus untuk tujuan beribadah kepadaNya semata-matanya, mengharapkan keredhaan Allah s.w.t., jauh sekali mengharap kepada pengiktirafan manusia di dunia ini.

KE ARAH KERJA YANG BERKUALITI

Di dalam pekerjaan, masyarakat harus memahami bahawa jawatan yang disandang merupakan satu amanah yang bukan diberikan secara percuma dan tanpa sebab. Jawatan yang diberi perlu mengikut kelayakan dan perlu diberikan kepada yang hak sahaja iaitu yang dapat memikulnya dan melengkapkannya dengan pelaksanaan tugas yang berkualiti dan menerapkan konsep kerja sebagai ibadah dan jalan mendapat rezeki yang halal. Dengan ini segala pekerjaan yang dilaksanakan itu mendapat keberkatan Allah s.w.t.

Di dalam al Quran ada menyebut yang bermaksud "Sebaik-baik pekerja ialah yang kuat dan amanah". (Q 28:26).

Untuk melaksanakan tugas yang berkualiti, seseorang itu haruslah mempunyai visi dan misi yang jelas, dan perlu diingatkan sekali lagi bahawa matlamat akhir adalah mengharapkan redha Allah s.w.t. Minat dan kecenderungan (Q 17:84) juga merupakan faktor utama yang menjamin kualiti sesuatu pekerjaan. Bayangkan jika kita meminta seorang pegawai perhubungan yang hanya minat berurusan dengan orang ramai supaya bekerja seharian di pejabat. Kerja mereka bermungkinan besar tidak akan mencapai tahap kualiti yang diinginkan jika dibandingkan

dengan hasil pekerja yang suka bekerja di dalam suasana pejabat. Begitulah pentingnya perancangan terbaik dan penilaian yang betul oleh majikan serta pembahagian tugas yang wajar kepada pekerja di bawah seliaannya supaya kerja yang dilaksanakan terjamin dari segi kualiti.

Persekitaran kerja yang kondusif juga memainkan peranan yang penting untuk merangsang kualiti dalam pekerjaan. Suasana kerja yang nyaman dapat menenangkan fikiran, malah merangsang idea yang baik dalam menyiapkan tugas seharian.

Pekerja yang berkualiti mempunyai pegangan agama yang kuat dan tidak goyah jika wujud ancaman untuk menjatuhkannya, tidak sedih dan gelisah apabila dibenci. Mereka hanya berserah kepada Allah s.w.t. Mereka ini merupakan golongan bijak yang boleh membezakan antara perkara yang betul dengan yang batil. Golongan ini tidak perlu banyak bercakap, sebaliknya mereka banyak melakukan pemerhatian dan menilai perlakuan manusia lalu membuat keputusan dan bertindak secara positif. Mereka tidak membuat andaian melulu dan berburuk sangka. Mereka melaksanakan segala pekerjaan dengan ikhlas, tekun dan penuh dedikasi. Mereka menghayati etika kerja, berintegriti, amanah dan bertanggungjawab.

Pekerja yang tidak mempunyai kualiti dalam diri adalah mereka yang senang terpengaruh dengan anasir yang tidak sihat seperti menghasut supaya memusuhi rakan sekerja yang lain, menyertai rakan sekerja mengumpat, mengata sesama rakan, mempersenda dan bersubahat serta menyetujui perlakuan yang salah. Semua anasir negatif ini tidak sedikitpun membantu sesebuah organisasi itu untuk maju ke depan, malah ia boleh merosakkan hubungan sesama rakan sekerja, kerjasama tidak dapat dibangunkan dengan jitu dan akhirnya mendorong kepada runtuhnya kualiti diri individu di dalam organisasi tersebut. Kepincangan-kepincangan ini banyak sekali terjadi di mana-mana organisasi di sekeliling kita.

Oleh itu, kepimpinan yang teguh perlu diwujudkan supaya dapat mengekang sifat-sifat buruk daripada menular menjadi wabak yang merosakkan organisasi. Hubungan erat pemimpin dengan yang dipimpin adalah amat perlu supaya segala urusan dapat diselesaikan tanpa batasan dan kekangan. Amalan syura (mesyuarat yang berpandukan ajaran Islam) juga patut dihidupkan agar segala keputusan dapat dicapai secara sepakat dan semua ahli berpuashati. Keputusan yang dibuat secara syura dapat menjamin hasil pekerjaan yang baik kerana mendapat persetujuan bersama. Melalui syura, buah fikiran yang berasaskan nafsu dan kepentingan diri semata-mata dapat dielakkan kerana syura dibuat berasaskan taqwa kepada Allah s.w.t semata-mata.

Sebelum membuat keputusan atau menyatakan sesuatu, pekerja berkualiti sedia bermuhasabah diri dan sedar akan kelemahan diri sebagai manusia biasa. Mereka sentiasa berlapang dada dan sentiasa bersedia memperbaiki diri sendiri dan mengelakkan diri daripada menyalahkan orang lain. Mereka tidak akan melenting dan merungut dengan teguran, sebaliknya berfikiran positif untuk melakukan yang lebih baik dari semasa ke semasa.



PENUTUP- POTENSI MENCAPAI KUALITI

Setiap manusia di dunia ini diberikan Allah s.w.t ruh, jasad dan akal. Ini bermakna mereka perlu menggunakan anugerah Allah sebaik-baiknya. Seseorang pekerja berkualiti akan menggunakan segala kekuatan jasmani dan minda untuk kebaikan diri dan organisasi untuk mencapai kebaikan di akhirat. Manusia diberikan petunjuk oleh Allah s.w.t dan diberikan alQuran dan Hadith sebagai panduan.

Setiap kerja yang berkualiti akan dibalas oleh Allah s.w.t Firman Allah yang bermaksud. “Sesungguhnya Kami (Allah) tidak akan membiarkan segala kerja / usaha yang terbaik yang telah dilakukan”. (Q 18:30) Hadis: “.... Kamu lebih tahu tentang urusan dunia kamu....” Kata hukama: ‘Orang yang beruntung ialah orang yang hari ini lebih baik dari semalam’. Oleh itu, pekerja berkualiti harus berazam untuk menjadikan hari ini lebih baik daripada semalam dan esok akan menjadi lebih baik dari hari ini. Dengan keazaman dan kesungguhan yang berterusan, budaya kualiti dalam pekerjaan dan kehidupan dapat diterapkan dengan cemerlang.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berfikir sejenak, menilai, menghitung dan bertanya pada diri kita, adakah kita benar-benar sudah mempunyai kualiti dalam diri? Jika jawapannya masih belum ada, rebutlah peluang untuk memperolehnya. Bagaimana mungkin kita dapat melahrkan kumpulan kerja yang berkualiti ke arah membentuk organisasi berkualiti sedangkan diri sendiri masih terkial-kial mencari kualiti dalam diri..Semua langkah ke arah budaya kerja cemerlang adalah bermula dari dalam diri setiap individu.

Sumber: Dipetik Dan Diulas Daripada slaid Powerpoint Kualiti Dari Perspektif Islam; Dr. Mohd Sabri Abdul Ghafar Sempena Sambutan Hari Kualiti Uitm Pada 31 Disember 2007

ALLAH'S
QURAN

Guidance without doubt

“ Kamu lebih tahu tentang urusan dunia kamu....” Kata hukama: ‘Orang yang beruntung ialah orang yang hari ini lebih baik dari semalam .’



Pustakawan Yang Mencipta Maklumat

Oleh: Nur Farizah Abdullah – nfa@umt.edu.my

Apakah erti Pustakawan mencipta maklumat? Iaitu boleh membangun dan menghasilkan maklumat, berpengetahuan mengenai produk serta mengeksploitasikannya. Lebih-lebih lagi kesan daripada kepesatan era maklumat dan ekonomi berdasarkan maklumat Pustakawan perlu memainkan peranan sebagai pencipta maklumat. Ia juga selaras dengan proses transformasi yang dialami oleh Perpustakaan, yang kini secara beransur-ansur mula menjadi pusat pengurusan maklumat.

Bagaimana peranan utama untuk menjadi Pustakawan yang mencipta maklumat?

Pada masa kini, Perpustakaan perlu menjadi sebuah "rumah" yang menjadi harta karun yang berharga kepada pengetahuan manusia, bersama-sama dalam penciptaan pengetahuan serta menyediakan hubungan penting dalam rangkaian inovasi maklumat secara keseluruhannya.



Pustakawan berperanan sedemikian?

Kerana kesedaran masyarakat pada kepentingan maklumat dan pengetahuan menyebabkan penstrukturan kurikulum pengajian maklumat tidak dapat dielakkan.

Apakah hasil penguasaan Pustakawan dalam bidang teknologi?

Kemahiran itu perlu bagi menghasilkan tenaga kerja yang berpengetahuan, mempunyai tabiat suka membaca serta mempunyai sikap tidak mahu ketinggalan dengan ilmu dan penyelidikan.



Pustakawan perlu memahami teknologi maklumat dan memanfaatkan sepenuhnya potensi-potensi yang ada padanya.

Di samping itu, Pustakawan juga harus bersedia menerima perubahan terhadap tugas-tugas yang diberikan kepada mereka. Mereka perlu belajar dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran, kriteria yang perlu ditekankan bagi memastikan kejayaan pengurusan maklumat adalah menerapkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam latihan kepada Pustakawan. Elemen lain yang penting ialah penciptaan dokumen digital, standard dan pengurusan maklumat serta merekod secara elektronik.

Apakah keadaan atau suasana yang menuntut agar

“ Perpustakaan Perlu Menjadi Sebuah “Rumah” Yang Menjadi Harta Karun Yang Berharga ” Kepada Pengetahuan Manusia ”



Majlis Perjumpaan PIHAK PENGURUSAN PSNZ Bersama MPP UMT SESI 2011-2012

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT merupakan satu badan yang ditubuhkan di UMT di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan mempunyai hubungan yang rapat kepada mahasiswa UMT. MPP merupakan badan yang bertindak sebagai perantara dalam melaksanakan aktiviti demi kepentingan pelajar di UMT. Pada 19 Jun 2012 (Selasa), PSNZ telah mengadakan satu perjumpaan bersama MPP UMT yang dihadiri oleh Pemangku Ketua Pustakawan En. Atip bin Ali dan telah dipengerusikan oleh Pn. Fatimah binti Salim (Pustakawan Kanan/ Penyelaras Bahagian) serta dihadiri oleh seramai 16 orang Pustakawan PSNZ dan seramai 7 orang wakil daripada barisan MPP UMT. Pertemuan ini adalah bagi merapatkan lagi hubungan yang telah lama terjalin bagi manfaat bersama PSNZ, MPP UMT dan terutamanya kepada mahasiswa UMT.

Perjumpaan yang telah diadakan ini membincangkan pelbagai agenda serta isu-isu yang berkait rapat dengan pelajar dalam menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Beberapa perkara telah dibincangkan dan diantaranya adalah cadangan penubuhan Kelab Rakan PSNZ yang merupakan satu kelab yang bertujuan untuk menggalakkan pelajar dalam melibatkan diri dalam aktiviti kepustakawanan. Kelab yang



dicadangkan adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan mahasiswa UMT dengan PSNZ seperti melakukan program bersama melalui aktiviti-aktiviti membudayakan ilmu serta sosial seperti program pembelajaran, program lawatan, program USR dan sebagainya.

Perjumpaan yang telah diadakan ini banyak memberi input yang positif kepada pihak pengurusan PSNZ serta MPP UMT kerana banyak isu-isu serta hal-hal yang lain dibangkitkan dan penyelesaian dapat dibincangkan bersama. Salah satu perkara penting yang dibincangkan adalah berkaitan dapatan kertas kerja seminar daripada pensyarah yang mengikuti seminar di luar Negara dapat dimantapkan pengumpulannya demi manfaat rujukan pelajar di perpustakaan.

Hasil daripada perjumpaan yang telah diadakan, pihak pengurusan PSNZ akan merangka strategi penubuhan kelab dengan lebih tersusun serta menggalakkan penyertaan MPP dalam memberikan idea yang boleh memberi manfaat kepada pelajar disamping meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian melalui penambahbaikan yang akan dilakukan.

SIRI JELAJAH ILMU ke Fakulti Bersama PSNZ 2012

Oleh: Siti Norizan Sidek – ezan_6288@yahoo.com (Pelatih)
Sumber: Pustakawan Kanan Seksyen Terbitan Bersiri PSNZ

PSNZ telah menganjurkan dengan jayanya Program Siri Jelajah Ilmu ke Fakulti Bersama PSNZ 2012 yang telah diadakan pada 27 – 29 Mac 2012. Program yang telah diadakan ini telah melibatkan warga kerja PSNZ dan penglibatan (6) buah Fakulti yang terdapat di UMT. Siri jelajah ini bertujuan untuk memberi pendedahan khusus kepada pelanggan mengenai perkhidmatan dan pangkalan data yang dilanggan oleh PSNZ serta memberi penerangan yang lebih menyeluruh dalam mengakses pangkalan data. Pengunjung telah didedahkan mengenai sumber maklumat yang boleh diperolehi melalui penggunaan pangkalan data PSNZ dan tidak hanya bergantung kepada pencarian menggunakan "Google". (9) pembekal pangkalan data telah memberikan komitmen melalui aktiviti yang dijalankan iaitu demo latihan pangkalan data serta informasi terbaru mengenai perkembangan judul dalam pangkalan data. Pihak PSNZ juga telah memberikan taklimat serta penerangan mengenai DSPACE PSNZ (Koleksi digital PSNZ) dan Ez-Proxy (kaedah akses perkhidmatan pangkalan data/koleksi secara atas talian dari luar kampus) serta diskaun bayaran denda. Program yang telah diadakan ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada pelajar dan warga fakulti. Berikut adalah tentatif program yang telah dilaksanakan:



Siri Jelajah Ilmu Ke Fakulti Bersama PSNZ 2012

Tarikh dan Tempat Program

27 Mac 2012
(Fakulti Pengurusan dan Ekonomi) dan (Fakulti Pembangunan Sosial)

28 Mac 2012
(Fakulti Sains dan Teknologi) dan (Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marini)

29 Mac 2012
(Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan) dan (Fakulti Perikanan dan Akua Industri)

Aktiviti Yang Dijalankan:

- Sesi latihan pangkalan data yang dilanggan PSNZ
- Promosi perkhidmatan perpustakaan
- Pameran buku baru
- Diskaun bayaran denda
- Pengenalan Sistem ILMU (Kaedah akses ke My Account)
- Pengenalan kepada DSPACE PSNZ
- Pengenalan kepada Ez-Proxy

Hadiah Misteri Menanti Pengunjung Yang Hadir

Anjuran : Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu

TIME	9.00-10.00 am	10.00-11.00 am	11.00-12.00 noon	12.00-1.00 pm	2.00-3.00 pm	3.00-4.00 pm	4.00-5.00 pm
27/3/2012 Faculty of Mgmt and Economic s & Fac. Of Social Developm ent	BMO (Makmal Aplikasi FPE)	OSIRIS (Makmal Aplikasi FPE)	PsycARTICLE S & PsycINFO (Makmal Aplikasi FPE)	Academic Onefile (Makmal Aplikasi FPE)	Blis (Makmal Aplikasi FPE)	EBSCO ASP,BSC & E-BOOKS (Makmal Aplikasi FPE)	MyLibrary (Makmal Aplikasi FPE)
		Emerald (Auditorium Mahyuddin FPE)	Science Direct (Auditorium Mahyuddin FPE)	Proquest (Auditorium Mahyuddin FPE)	Jstor (Auditorium Mahyuddin FPE)		
28/3/2012 Fac. Of Science and Tech & Fac. Of Maritime & Marine Sc.	Jstor (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Scopus (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Science Direct (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Wiley (MK 7 FST)	Scifinder (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	ACS (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Springerlink (Makmal pengaturcaraan 2 FST)
	EBSCO ASP,BSC & E-BOOKS (MK 7 FST)	Blis (MK 7 FST)	Emerald (MK 7 FST)		MyLibrary (MK 7 FST)	ACM (MK 7 FST)	Science Online (MK 7 FST)
29/3/2012 Fac.of Agrotechnology and Food Sc. & Fac. Of Fisheries & Aqua Industry	Academic Onefile (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Science Direct (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Scopus (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Jstor (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Wiley (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Springerlink (Makmal pengaturcaraan 2 FST)	Blis (Makmal pengaturcaraan 2 FST)
			MyLibrary (MK7 FST)	Proquest (MK7 FST)			

Berikut adalah jumlah kehadiran pengunjung ke sesi latihan yang telah diadakan:

Tarikh	Fakulti	Jumlah Kehadiran	Jumlah Sesi Latihan
27 Mac 2012	FPE dan FPS	141 orang	11 sesi
28 Mac 2012	FST dan FMSM	244 orang	13 sesi
29 Mac 2012	FASM dan FPAI	80 orang	9 sesi

Siri Jelajah Ilmu ini akan diteruskan pada masa akan datang kerana sambutan yang diterima adalah sangat baik serta telah mencapai objektif program dan ianya memberi banyak manfaat kepada pelajar dan warga fakulti.



ERA MAKLUMAT DI HUJUNG JARI, Adakah Kewujudan Perpustakaan Masih Relevan Dengan Kehendak Pelanggan Masa kini?

Oleh: Mohd Shahrulizam Zuraimi – msn@unit.edu.my

Pada tahun 2600 sebelum masihi, perpustakaan telah memainkan peranan sebagai penyimpan sejarah ketamadunan dan kesarjanaan dalam usaha untuk menyimpan dan menyebarkan ilmu yang membantu dalam pembinaan sesebuah tamadun. Kini, perpustakaan merupakan gedung ilmu yang menempatkan pelbagai bahan maklumat seperti buku, manuskrip, bahan arkib, jurnal serta bahan-bahan tidak bercetak seperti pangkalan data dan koleksi digital. Tidak cukup dengan itu, perpustakaan juga merupakan medan utama kepada pelanggan yang datang untuk mengulang-kaji pelajaran, perbincangan kumpulan, melakukan aktiviti penulisan laporan penyelidikan, penggunaan sistem dan penggunaan kemudahan dewan auditorium untuk menyokong pelaksanaan aktiviti. Namun demikian, ada sesetengah pihak mempersoalkan “kereklevanan kewujudan” perpustakaan pada era ICT disebabkan kepesatan perkembangan teknologi maklumat seperti “e-book”, “e-journal” dan artikel-artikel yang boleh diperolehi secara meluas dalam dunia siber yang tidak mempunyai sempadan. Maklumat-maklumat tersebut boleh diperolehi dalam masa yang singkat atau boleh difahami sebagai satu fenomena “just in time information” dimana mereka boleh mendapatkan variasi bahan maklumat yang diperlukan dari pelbagai sumber maklumat dengan menggunakan enjin carian seperti “Google” atau “Yahoo” untuk menyokong keperluan maklumat mereka.

Namun demikian, kepesatan teknologi maklumat ini tidak

mengubah prinsip dan fungsi utama perpustakaan, malahan memberi peluang kepada perpustakaan untuk memperkasakan sistem penyampaian maklumat dan sebagai tempat untuk mendapatkan khidmat perundingan dalam memilih bahan maklumat yang mempunyai autoriti, boleh dipercayai dan melibatkan hubungan komunikasi diantara pelanggan dan Pustakawan. Walaupun teknologi maklumat menjanjikan “maklumat di hujung jari”, tetapi bukan semua maklumat yang dikehendaki bertepatan dengan keperluan maklumat yang dikehendaki kerana pencarian maklumat bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan ketepatan kata kunci yang digunakan, serta keupayaan pengguna untuk mengenalpasti sumber maklumat yang sahih, relevan dan ekonomikal. Sehubungan dengan itu, perpustakaan merupakan satu tempat yang khusus menempatkan pelbagai sumber maklumat dan maklumat tersebut diurus, diproses, dan disampaikan kepada pelanggan perpustakaan melalui peranan Pustakawan atau Pegawai Perpustakaan. Pustakawan adalah bertanggungjawab dalam menyokong pembentukan masyarakat berilmu melalui khidmat nasihat pencarian maklumat, sebagai penilai kesahihan maklumat melalui perbandingan sumber maklumat serta memperkayakan kualiti penyampaian maklumat melalui penggunaan teknologi maklumat (ICT).

Walaupun maklumat boleh diakses dan diperolehi dimana-mana sahaja, kualiti dan ketepatan sumber maklumat tersebut masih boleh dipersoalkan. Maka dengan itu, peranan Perpustakaan dan

Pustakawan adalah penting bagi memastikan maklumat tersebut dapat digunakan oleh pelanggan secara lebih berkesan dan menyumbang kearah penghasilan ilmu baharu. Latihan dan kefahaman Pustakawan mengenai kehendak pelanggan masa kini sentiasa diperbaharui dan dipertingkatkan melalui pengalaman dalam pengendalian kehendak maklumat pelanggan serta penggunaan aplikasi teknologi maklumat sebagai penyokong dalam penyampaian perkhidmatan. Kecanggihan teknologi maklumat tidak boleh dijadikan sandaran utama oleh pelanggan dalam mendapatkan



maklumat memandangkan maklumat tersebut secara hakikat dan asasnya dihasilkan dan dioperasikan oleh individu atau organisasi yang mempunyai pelbagai perspektif pendapat. Bertepatan dengan itu, “kereklevanan” Perpustakaan dan Pustakawan amat diperlukan bagi memenuhi kehendak utama pelanggan dalam mendapatkan maklumat yang berkualiti dan tepat.

Amalan Persekitaran Berkualiti

Oleh: Almanizam Alias – almanizam@umt.edu.my

Pada 1 April 2012 merupakan satu tarikh yang penting bagi Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) kerana secara rasminya PSNZ melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti (Quality Environment (QE)/5S). Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) iaitu Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili.

Idea pelaksanaan 5S ini telah dimulakan pada awal tahun 2011 sebagai asas kepada peningkatan produktiviti dan kualiti di tempat kerja. Ianya diharap dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi dengan menjadikan tempat kerja lebih efisien dan produktif.

Amalan 5S merupakan satu konsep yang mewujudkan persekitaran berkualiti secara sistematik dan praktikal. Apa itu 5S? 5S merupakan singkatan perkataan dari bahasa Jepun iaitu:

i. SEIRI (SISIH)

Mengasingkan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja dan membuangnya.

ii. SEITON (SUSUN)

Susun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya ianya mudah diambil untuk digunakan.

iii. SEISO (SAPU)

Bersihkan tempat kerja anda dengan rapi supaya tiada habuk di atas lantai, mesin dan perkakas.

iv. SEIKETSU (SERAGAM)

Memelihara taraf penjagaan kebersihan dan penyusunan tempat kerja yang tinggi pada setiap masa.

v. SHITSUKE (SENTIASA AMAL)

Melatih pekerja mematuhi peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengansendirinya.

PSNZ telah melantik ahli Jawatankuasa 5S bagi memastikan pelaksanaan amalan persekitaran berkualiti berjaya dan mendapat pensijilan dari pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) seperti mana berikut:

Pengerusi

En. Atip Ali – Pemangku Ketua Pustakawan

Penyelaras

Pn. Harisom Anida Musa

Setiausaha

Pn. Wan Azura Wan Mamat

Jawatankuasa Latihan

Tn. Syed Muhammad Helmy Md. Akhir

Jawatankuasa Promosi

En. Mohd. Shahrulnizam Zuraimi

Cik Sharifah Akmal Syed Abd. Rahman

Jawatankuasa Audit

En. Mohd Asmawi Abdul Rahman

Jawatankuasa Keceriaan

En. Mustafa Rani





Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)

Oleh: Norsollehah Ahmad – nsa@umt.edu.my

Pinjaman antara perpustakaan merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan akademik samada swasta mahupun awam.

Konsep PAP ini menyediakan pinjaman perkhidmatan untuk bahan bercetak, prosiding, seminar laporan atau salinan sumber penggantian asal yang tidak terdapat di Perpustakaan. Bahan-bahan ini akan diperolehi untuk pinjaman sementara daripada institusi perpustakaan akademik di Malaysia.

Tujuan utama PAP adalah untuk memudahkan para pengguna mendapatkan bahan yang tiada di perpustakaan dan bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di universiti.

Siapakah yang boleh menggunakan perkhidmatan ini?

Terbuka kepada semua pelajar, pelajar-pelajar pasca-siswazah dan pensyarah.

Cara memohon:

i. Mengisi borang di kaunter utama atau boleh muat turun di portal perpustakaan

borang permohonan ILL – maklumat hendaklah diisi dengan lengkap

ii. P e r m o h o n a n y a n g dikemukakan akan diproses dalam masa 5 hari bekerja

iii. Jangkamasa pinjaman adalah selama 1 bulan

iv. Tempoh pinjaman ini boleh dilanjutkan namun ianya tertakluk kepada ketersediaan bahan daripada institusi peminjam.

v. Tiada sebarang kos dikenakan bagi perkhidmatan ini.

vi. Borang boleh di muat turun di link berikut : http://psnz.umt.edu.my/c/document_library/get_file?uuid=195dabd1-8321-4cfc-a31e-cfd8eb927aaf&groupId=10157

Berminat dengan perkhidmatan ini boleh rujuk atau berhubung dengan :-

Norsollehah Ahmad

nsa@umt.edu.my

09-6684337

Zafirah Mustafa


zafirahmustafa@umt.edu.my

09-6684185

Norhadila Mohd

nm@umt.edu.my

09-6684185



Etika Kerja Dalam Islam

Oleh: Rabi'atul Addawiyah Hanim Mohd Rosli – hanim@umt.edu.my



Pendahuluan:

Islam menuntut setiap manusia bekerja, berusaha mencari rezeki bagi menyara diri dan keluarga. Di samping itu Islam juga menyatakan bahawa sesuatu "pekerjaan" yang baik ialah tugas yang diamanahkan kepada seseorang insan. Maka apabila seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun bekerja, dengan sendirinya bererti, bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Menurut Islam, setiap kerja yang direzhai oleh Allah dan disertai dengan niat adalah ibadat. Oleh demikian setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap lapangan pekerjaan yang dilakukannya itu sekiranya dimulai dengan niat, ia merupakan satu ibadat.

Di samping itu kita hendaklah juga mengetahui bahawa setiap tugas atau kerja yang diberi oleh Allah kepada seseorang itu adalah menurut kemampuan orang yang berkenaan seperti yang ternyata di dalam firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya".
(Al-Baqarah: 286)

Ayat ini menegaskan bahawa tidak ada sebab bagi seseorang pekerja itu mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar. Dengan sendirinya ayat ini menekankan bahawa seseorang pekerja itu boleh menyelesaikan segala tugas jawatannya melainkan pekerja itu sendiri tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya.

Selain dari itu, setiap manusia hendaklah insaf bahawa menurut

ajaran Islam setiap kegiatan kita di dunia ini akan diperhitungkan di akhirat nanti sebagaimana ternyata di dalam firman Allah SWT:

Maksudnya :

"Tiap-tiap diri bertanggungjawab terhadap apa yang telah diperbuatnya". (Al-Muddaththir : 38)

Ini bererti sekiranya seseorang itu tidak menunaikan kerja dengan sewajarnya, seperti mencuri masa dengan membuat kerja peribadi di dalam waktu pejabat, melengah-lengahkan bayaran kepada pemborong, meluluskan permohonan yang sepatutnya ditolak dan seumpamanya maka semestinya ia akan dihukum di akhirat kelak walaupun mungkin terlepas daripada tindakan tatatertib atau pun hukuman di dunia ini. Sebaliknya berbahagialah seseorang itu di dunia dan di akhirat sekiranya kita melaksanakan tugas dengan sewajarnya menurut tuntutan Islam.

Daripada apa yang telah diutarakan, jelaslah bahawa menurut ajaran Islam, setiap manusia wajib mempunyai kerja. Islam tidak menyukai kepada pengemis dan penganggur. Di samping itu seseorang pekerja mestilah melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya kerana Allah telah menegaskan bahawa setiap pekerja itu berupaya dan mampu untuk menunaikan tanggungjawabnya. Samada seseorang pekerja itu dapat menunaikan tugasnya dengan baik atau tidak hanyalah bergantung kepada sikap pekerja itu sendiri. Islam telah menggariskan etika kerja dalam Islam antaranya :

1. Bekerja Dengan Azam Mengabdikan Diri Kepada Allah

2. Bekerja Dengan ikhlas Dan Amanah

3. Bekerja Dengan Tekun Dan Cepak

4. Bekerja Dengan Semangat Kerjasama Dan Berpadu Fikiran

Etika Kerja Pertama: Bekerja Dengan Azam Mengabdikan Diri Kepada Allah

Dengan menyedari dan menghayati bahawa manusia adalah hamba Allah, maka sewajarnya setiap manusia mengabdikan dirinya kepada Allah, dengan mengikuti segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya selaras dengan firman Allah S.W.T.:

Maksudnya:

"Wahai sekalian manusia! Sembahlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu bertaqwa". (Al-Baqarah : 21)

Setiap penjawat awam hendaklah menjalankan tugasnya dengan sepenuh kesedaran bahawa jawatannya itu adalah amanah Allah kepadanya. Sekiranya ia tidak menunaikan tugas dengan sebaik-baiknya maka bererti pekerja



tersebut tidak menunaikan amanah kepada Allah. Seseorang pekerja hendaklah menyedari dan menghayati bahawa bekerja untuk mencari nafkah yang dimulai dengan niat itu adalah ibadah. Setiap penjawat awam harus menyedari bahawa bekerja itu bererti beribadat, maka sewajarnya bagi setiap pekerja berusaha menunaikan tugasnya dengan sebaik-baiknya demi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak.

Etika Kerja Kedua: Bekerja Dengan ikhlas Dan Amanah

Bekerja dengan ikhlas bererti bekerja dengan sepenuh kerelaan dan dengan suci hati untuk mencari keredhaan Allah. Setiap pekerja harus menyedari bahawa jawatan yang di pegangnya adalah hasil permohonannya sendiri dan bukanlah ia dipaksa memenuhi jawatan tersebut. Maka dengan sendirinya wajarlah seseorang pekerja itu menjalankan tugasnya dengan sepenuh kerelaan dan kesedaran bahawa kerja yang dilaksanakan olehnya itu adalah suatu amal soleh dalam usaha mengabdikan diri kepada Penciptanya di samping berusaha untuk menyara diri dan keluarga yang dikasihi dan berkhidmat kepada masyarakat.

Seterusnya setiap insan mestilah bersyukur kepada Allah kerana rahmat-Nya kepada kita yang tidak terhitung dan satu daripadanya ialah yang kita sandangi ini. Kesyukuran kita seharusnya memuncak lagi sekiranya kita menginsafi bahawa banyak lagi manusia lain yang masih menganggur dan tidak dapat menyara keluarga dengan sewajarnya. Kita juga hendaklah bersyukur kerana dengan jawatan atau kerja kita ini, kita dapat mengikut serta menyumbangkan tenaga di dalam usaha membangunkan negara yang tercinta. Moga-moga tercapailah cita-cita murni untuk membangunkan suatu negara yang direhdai Allah seperti firman-Nya:

Maksudnya:

".....Negara yang makmur serta mendapat keampunan Tuhan" (Saba` : 15)

Sekiranya seseorang itu dapat menghayati dan mensyukuri segala rahmat Allah, insyaAllah kita akan dapat menunaikan tugas kita dengan ikhlas.



Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud :

Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak bermanfaat bagi sesama manusia'.

(Riwayat Al-Quda`)

Etika Kerja Ketiga: Bekerja Dengan Tekun Dan Cepak

Ketekunan adalah suatu sifat yang amat diperlukan oleh seseorang pekerja. Setiap pekerja akan dapat meningkatkan kecekapan masing-masing menjalankan tugas sekiranya tekun dalam menjalankan tugas. Rasulullah S.A.W. bersabda dengan maksud:

"Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu pekerjaan dengan tekun".

(Riwayat Al-Baihaqi)

Apabila hendak menilai seseorang pekerja, ciri yang terpenting ialah kecekapan. Mutu kecekapan seseorang itu akan terus meningkat jika pekerja itu sanggup belajar atau menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan tugasnya sepanjang masa.

Etika Kerja Keempat: Bekerja Dengan Semangat Kerjasama Dan Berpadu Fikiran

Di dalam perkhidmatan awam bakhandidalamsebarangperkhidmatan, seseorang pekerja itu bertugas dalam suatu kumpulan pekerja yang tertentu. Untuk menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang, sesuatu kumpulan pekerja itu mestilah bekerjasama, bergotong-royong melaksanakan tugas masing-masing. Sikap bantu membantu di antara satu sama lain di antara pekerja, akan menimbulkan suasana bekerja yang aman dan gembira. Suasana yang demikian pula akan meningkatkan hasil dan mutu perkhidmatan. Allah SWT menegaskan:

Maksudnya:



"Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan..."

(Al-Ma'idah : 2)

Selain dari bekerjasama dalam menjalankan tugas, hendaklah diwujudkan satu budaya bagi menggalakkan perbincangan sesama sendiri, bertukar fikiran, mengkaji masalah yang ada dan juga untuk menghadapi masalah yang mungkin timbul. Perbincangan seperti ini akan meningkatkan rasa kekitaan di antara pekerja dan dengan sendirinya pula meningkatkan rasa tanggungjawab bersama.


Kesimpulan

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia sudah semestinya berusaha untuk terus meningkatkan usaha menerapkan nilai-nilai murni di dalam setiap bidang pekerjaan. Setiap individu yang bekerja, hendaklah sentiasa sedar dan berusaha untuk menunaikan tugas mereka menurut ajaran Islam, ajaran yang mementingkan kebahagiaan umat manusia sejagat.



What is MYTO?

Oleh: Syed Mohammad Helmy Bin Syed Md Akhir – syed.helmi@umt.edu.my



<http://perpun.upm.edu.my/myTO/>

MyTO History And Role

- MyTO are known for Malaysian University Libraries and National Network and it is a digital initiative for development of theses and dissertations management system that was developed in mid 2005. This project was participated by all of the local university libraries and three of the local private university libraries (MMU Library, UNITEN Library and UTP Library) under PERPUN.

- A committee was established to realize the development of theses management system which led by MMU Library. The system was named as Malaysian Theses Online (MyTO).

- The MyTO Project was formed into three main phases which were system development phase, metadata conversion phase and content management phase. The system development phase took six months of development and completed in early 2006.

- The second phase started just as the completion of the first phase. It involved the processes of converting the theses metadata from the library

management system database into the MyTO system. This process includes downloading the theses metadata from the library system database and uploading the metadata into the MyTO database.

- The third phase which has been started by several libraries is to upload the full-text theses content into the MyTO system which implementing the concept of content management.

- MyTO was officially launched on 9th February 2007 with the launching of MyUniNet which has been a gateway to online information resources for the universities in Malaysia.

MyTO Purpose

- The purpose of developing this system are to manage, to store, to preserve and to share the local universities theses collection into a centralized repository to facilitate the item access by the university community.

- MyTO becoming as a centre of information resources to sup-

port the academic research for the universities in Malaysia as well as supporting the research and development for private sectors in leading towards innovations.

- The importance of having an online centralized repository of theses and dissertations that facilitates users' information seeking anytime and anywhere.

MyTO Function

- With the availability of networks that connect the libraries to Internet, the access scope of theses collection becoming wider and opened.

- Access and demand to the theses collection has extremely increasing among the academicians where they do not have to regularly visit the library to view the theses content in order to fulfill their information requirements. The accesses to the theses content are done through the remote terminals and computers anywhere, anytime and

without any restrictions within the campuses.

- With this progress, access to the theses collection has been expanded as well as encouraged the information resources sharing among the academicians and the librarians.

- Information sharing between the local university libraries through online.

- The access to the theses collection through online would increase the utilization of theses to support the research and development activities as well as to cultivate the culture of resource sharing.

- MyTO having excellent achievements in supporting the research activities for the universities. There have been many innovations over the existing information retrieval

systems nowadays.

MyTO System Features


- MyTO system has simple basic features to retrieve the information resources electronically. To facilitate the users searching for resources, MyTO has provided several of searching techniques such as simple search, advanced search, keyword search and browse items by location. The simple search query uses DC title and author/creator elements to retrieve the complete metadata resources. It is a basic technique to search for information in MyTO and reaching the actual resources.

- The search also can limit the query by specifying the range of publication years to get more specific results. MyTO also provides keyword

search query.

- Users can view the complete metadata and abstract to get an overview of the resources. MyTO also provides the users with a 24 pages which enable the indexed keywords in DC elements are searchable to display more relevant resources.

- To facilitate the users MyTO also provided a browsing feature which specifying the locations of the resources availability. It assists the users to identify the locations of the theses by listing the university name and its current total collection. theses access in PDF format before viewing the full-text (PDF) version of theses. Normally a 24 pages theses size is smaller and faster to download and view.



MyTo Interface



Karier Kepustakawanan?

Oleh: Mohd Hairolanuar Bin Mohammad- hairol@umt.edu.my

Seorang teman di Computer Engineering bertanya:

By the way, what do you do in the library? Do you just sit behind a computer and catalog books or do you actively help students (you deal mostly with students right?) find the books that they need?

Mulanya saya mahu menjawab pertanyaannya secara peribadi, tetapi oleh sebab seringkali mendengar pelbagai pertanyaan senada mengenai skop kerja di perpustakaan, saya fikir elok juga saya menulis artikel khusus untuk sesiapa yang berminat untuk tahu. Saya mungkin belum lagi berjaya meraih gelar pustakawan penuh sejak mendapat tauliah kepakaran tersebut dari tempat pengajian, namun sekadar pemerhatian saya sebagai 'orang dalam' bolehlah dikongsi. Bagi bahagian pertama pertanyaan itu; jawapannya adalah tidak. Seorang yang bekerja di perpustakaan tidak hanya duduk di hadapan komputer dan mengkatalog buku walaupun dia seorang pustakawan bahagian katalog di sesebuah perpustakaan akademik. Begitu juga pustakawan khidmat pembaca. Mereka tidak bergelumang dengan pertanyaan pelajar, pensyarah dan pengunjung luar sepanjang masa. Antara tugas lain yang dipikul pustakawan atau petugas perpustakaan pada zaman kini adalah:

1. Menjadi pengajar kelas celik maklumat untuk pelajar prasiswazah dan siswazah
2. Menjadi pemudah cara lawatan perpustakaan bagi prasiswazah dan siswazah baru serta pelawat luar
3. Menguruskan sistem repositori institusi secara usaha sama dengan pihak pentadbir dan fakulti
4. Mengagih belanjawan yang diperuntukkan oleh pihak pentadbir untuk perpustakaan
5. Merancang perkembangan perpustakaan berdasarkan belanjawan
6. Menghadiri seminar mengenai teknologi dan tahap profesionalisme mutakhir dalam bidang mereka
7. Melakukan kaji selidik untuk mengetahui tahap perkhidmatan perpustakaan
8. Menulis untuk jurnal-jurnal profesional bidang mereka
9. Mengadakan pameran berkenaan koleksi dan isu-isu tertentu yang penting
10. Menyelaras aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan bahan
11. Menghadiri kursus-kursus bina diri dan kemahiran
12. Bertemu dengan pihak fakulti atau pentadbiran universiti untuk menyelaraskan keperluan institusi dengan khidmat perpustakaan
13. Memastikan kemudahan perpustakaan terutama kemudahan IT berada pada tahap terbaik untuk kegunaan pengunjung

14. Ikut serta dalam audit dalaman dan audit luaran perpustakaan dan universiti

15. Dihantar oleh pentadbir perpustakaan untuk membuat pemilihan bahan perpustakaan di luar negara mengikut giliran – biasanya di pesta-pesta buku antarabangsa

16. Melaksanakan aktiviti promosi perpustakaan

17. Terlibat dalam proses rundingan pemerolehan manuskrip atau bahan nadir untuk perpustakaan.

Kesemua tugas tersebut adalah bergantung kepada jenis institusi atau organisasi tempat berkhidmat. Hidup di dalam dunia ledakan maklumat telah menambah cabang-cabang perkhidmatan kepada mereka yang berpendidikan sains maklumat dan perpustakaan. Mereka juga boleh bertugas di bahagian rekod hospital, menjadi pengawal dokumentasi (document controller) di syarikat-syarikat nasional mahupun multinasional, menjadi pegawai mengurus maklumat di syarikat korporat dan lain-lain. Bagi pertanyaan bahagian kedua, hakikatnya bukan hanya buku yang biasanya diperlukan oleh pencari maklumat zaman kini.

Secara ekstensif, petugas perpustakaan biasanya mencari bahan berdasarkan keperluan para penyelidik – misalnya 'saya mencari bahan mengenai etika kerja', 'kami mencari bahan mengenai konfrontasi Malaysia-Indonesia', 'saya mencari bahan mengenai pilihan raya Malaysia ke-12', dan seumpamanya. Keperluan maklumat mereka paling kurang akan merangkumi bahan-bahan dalam katalog utama dan pangkalan data elektronik, termasuk akhbar, majalah, jur-



nal, mikrofilem, mikrofiche, multimedia dan lain-lain. Namun begitu, kepakaran seseorang pustakawan atau mereka yang bekerja di perpustakaan banyak bergantung kepada minat dan tumpuan masing-masing terhadap bidang yang istimewa ini. Sama seperti seorang pereka laman web yang mencintai bidangnya dapat menghasilkan laman yang tinggi nilai artistik, mudah dilayari serta bagus pengisiannya, berbanding pereka laman biasa yang meniru idea dari pereka lain untuk memudahkan tugasnya. Sama seperti seorang pekerja akaun yang tidak kisah menjadi eksekutif akaun sepanjang hayatnya, tanpa perasaan ingin menjadi akauntan bertauliah dengan memiliki ACCA atau CIMA. Sama seperti seorang doktor yang berasa memadam dengan membuka cawangan demi cawangan klinik tanpa cita-cita menjadi doktor pakar. Menjadi pustakawan sejati memerlukan kecintaan luar biasa kepada bidang ini; dan hanya dengan itu sahaja mereka dapat menjadi tokoh zaman seperti Magliabechi dan Martin Lings atau melangkaui bidang kepustakawannya seperti Prof. Ding Choo Ming dan Prof. Shaharom TM Sulaiman. Artikel Kerjaya Pustakawan: Antara Persepsi Stereotaip dan Realiti oleh Harith Faruqi Sidek, bekas ketua bahagian Koleksi Arkib, Galeri dan Khas, PTSL UKM mungkin boleh menambah jelas lagi mengenai kerjaya pustakawan.



Penganjuran

Seminar Pengurusan Rekod Universiti dan Agensi Awam (SERU 2012)

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

PSNZ telah menganjurkan dengan jayanya Seminar Pengurusan Rekod Universiti dan Agensi Awam 2012 (SERU 2012) yang bertemakan Transformasi ke Arah Pengurusan Rekod yang Berkesan. Seminar yang telah diadakan ini merupakan julung kalinya dianjurkan dan telah dirasmikan oleh Tuan Haji Zakaria bin Ibrahim (Pendaftar, Universiti Malaysia Terengganu – UMT). Program ini telah berlangsung pada 12 sehingga 14 Jun 2012 selama 3 hari 2 malam yang bertempat di Redang Island Resort, Pulau Redang, Terengganu.

Seminar ini telah disertai seramai 38 orang peserta yang terdiri daripada arkib, perpustakaan IPTA, IPTS dan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan. Seminar yang telah dijayakan ini bertujuan untuk



berkongsi pengalaman dalam bidang pengurusan rekod samada di universiti mahupun di agensi-agensi awam yang lain dan memberi kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan aset intelektual yang merupakan nadi pentadbiran kepada pembangunan organisasi yang berdaya saing.

Objektif utama seminar ini dijalankan :

1. Meningkatkan pengetahuan asas dan kemahiran peserta dalam menguruskan rekod-rekod jabatan.
2. Memberi pengetahuan tentang konsep dan perundangan pengurusan rekod kerajaan.
3. Memberi pendedahan dan kefahaman dalam menangani perubahan struktur, teknologi, pengguna dan tugas masa kini dalam pengurusan rekod
4. Memberi kefahaman tentang proses pengurusan rekod yang betul.

Program ini telah dibahagikan kepada 6 modul yang telah disampaikan oleh pembentang ker-



tas kerja yang terdiri daripada Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM (Transformasi Penyimpanan Dokumen Kepada Pengurusan Rekod Berkesan dan Pengurusan Rekod dan Risiko), Pengarah Arkib Negara, Cawangan Pahang (Asas & Amalan Pengurusan Rekod Negara), Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat, JPA (Perlaksanaan HRMIS sebagai Amalan Terbaik dalam Pengurusan Rekod Sumber Manusia Sektor Awam), Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka Negeri Sarawak (Projek InterPARES : Pengalaman dan Cabaran Pustaka Negeri Sarawak dalam Pengurusan Rekod Elektronik) dan Pengarah Urusan PRISM Integrated Sdn.Bhd (Pusat Rekod komersial Pemangkin Industri Pengurusan Rekod di Malaysia). Program ini telah dimulakan dengan ucap tama perasmian yang telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Operasi (Impak Pengurusan Rekod Berkesan Ke Arah

Penambahbaikan Pengurusan Universiti dan Agensi Awam). Peserta juga telah diberi kesempatan untuk menikmati keindahan Taman Laut dan mengikuti aktiviti Snorkeling sebagai salah satu pengisian aktiviti. Seminar ini telah mendapat maklumbalas yang baik daripada para peserta dan secara keseluruhannya peserta telah mendapat input-input yang terkini berkaitan amalan pengurusan rekod yang berkesan disamping membina rangkaian kerjasama sesama peserta.





Pasukan PSNZ Rangkul Naib Johan dalam Acara Bola Sepak 11 Sebelah Antara PTJ

Oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi – msn@umt.edu.my

Pasukan bola sepak 11 sebelah PSNZ telah menyertai kejohanan bola sepak 11 sebelah antara pusat tanggungjawab pada 7 Mei hingga 10 Jun 2012. Kejohanan yang diadakan ini adalah anjuran Pusat Sukan dan Rekreasi UMT dan venue utama yang digunakan adalah Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, Universiti Malaysia Terengganu. Dalam saingan di peringkat kumpulan, PSNZ telah memberikan saingan kepada pasukan-pasukan ternama seperti Fakulti Sains dan Teknologi, Pejabat Pengurusan dan Harta dan Pejabat Pendaftar dan seterusnya layak ke peringkat akhir. Nasib tidak menyebelahi pasukan PSNZ apabila tewas kepada pasukan Pejabat Pengurusan dan Harta dengan jaringan (PPH 3 - PSNZ 2). Berikut adalah rekod permainan yang dicatatkan sepanjang kejohanan berlangsung:



Saingan Peringkat Kumpulan:

PSNZ (1) - PPH (0)
PSNZ (5) - FMSM (0)
PSNZ (4) - PEJ.PENDAFTAR (0)
PSNZ (5) - FST (0)

Saingan Peringkat Separuh Akhir:

PSNZ MENANG PERCUMA KEATAS PTM

Saingan Peringkat Akhir:

PSNZ (2) – PPH (3)

Tahniah diucapkan kepada pasukan PSNZ kerana telah menunjukkan mutu permainan yang baik dan telah mengharumkan nama PSNZ.



Pertukaran Kakitangan PSNZ ke PTJ Lain



Pembantu Am Pejabat
Mohd Norazka bin Abdul Malik
Seksyen Pentadbiran & Pembangunan
Perpustakaan (BPPP)
Tarikh Mula Berkhidmat di PSNZ :
04 April 2005
Tarikh Berkhidmat di PTJ Baru - FASM :
01 Julai 2012



Pekerja Rendah Awam
Zulkifli bin Mohammad
Seksyen Pemuliharaan Bahan (BPAU)
Tarikh Mula Berkhidmat di PSNZ :
11 April 2007
Tarikh Berkhidmat di PTJ Baru – PPH :
1 Julai 2012

Pihak pengurusan **PSNZ** ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada kakitangan yang terlibat dan sumbangan yang telah diberikan sentiasa dikenang.



Perpustakaan Sultanah zahirah
Universiti Malaysia Terengganu
21030, Kuala Terengganu
Tel : 09-6684291/09-6684116
Faks : 09-6684179
Emel : psnz@umt.edu.my